

NAIM MARJANI TOKOH KUDA KEPANG SUNGAI NIBONG


Kesenian kuda kepang di Sungai Nibong, Batu Pahat, Johor, tidak dapat lari daripada Naim Marjani. Beliau pengarah dan ketua Kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan Sungai Nibong. Naim mula bergiat dalam tarian kuda kepang ini seawal umur 18 tahun. Hubungannya dengan kuda kepang begitu akrab dan sudah menjadi darah dagingnya. Beliau dikurniai tujuh orang anak perempuan hasil perkahwinan dengan Sidah Abdul. Dengan hasil kuda kepang juga, beliau menampung pembelanjaan keluarga, membeli tanah, dan membina rumah sehingga dapat memiliki bengkel dan mampu pula untuk mengupah beberapa orang pekerja.

Naim, 74 tahun, berketurunan Jawa. Beliau mewarisi bakat ayahnya yang juga penari kuda kepang dan pembuat kraf pada suatu ketika dahulu. Beliau berazam untuk meneruskan usaha untuk membuat kraf tangan dan menarikan tarian kuda kepang agar terus berkekalan dan menjadi warisan kebanggaan warga Kampung Sungai Nibong.

Untuk melakukan kerja membuat kraf tangan, Naim amat mementingkan kekemasan dan penelitian. Baginya, penelitian amat penting bagi melakukan kerja kraf tangan untuk menunjukkan tingginya martabat seni warisan orang Melayu. Walaupun banyak



Tarian kuda kepang diiktiraf sebagai kesenian warisan rakyat Johor.



Naim Marjani dan jalan masuk ke kediamannya.

rintangannya dan cabaran yang harus ditempuhi, minat yang mendalam dan semangat yang tinggi untuk menjadikan kuda

kepang dikenali oleh masyarakat akhirnya membuahkan hasil.

Selepas lebih daripada 55 tahun, kini Naim dapat

berbangga dengan kuda kepangnya kerana sudah mampu untuk memiliki bengkel, pekerja tetap dan pekerja sambil. Bengkelnya juga menerima pelajar pusat pengajian tinggi bagi menjalani latihan praktikal.

Kesetiaan terhadap kuda kepang juga berbalas apabila Naim menerima banyak anugerah pada peringkat daerah, negeri dan kebangsaan. Yang paling membanggakannya ialah apabila dikurniai anugerah Tokoh Warisan Johor pada tahun 2008. Walaupun ditenggelami oleh arus kemodenan gaya hidup masyarakat kini, beliau akan terus kekal bersama-sama kuda kepangnya selagi hayat dikandung badan.

KUMPULAN KUDA KEPANG SINAR WARISAN SUNGAI NIBONG


Menurut Naim, Kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan ditubuhkan pada tahun 1959 oleh sekumpulan 15 orang pemuda yang diketuai oleh Abdul Ghani Marsidi. Perubahan kepemimpinan dalam kumpulan ini berlaku apabila penghijrahan tokohnya ke tanah rancangan FELDA pada awal tahun 1970-an. Selepas itu, seorang ketua kumpulan baharu dilantik.

Naim dipilih untuk mengetuai kumpulan ini sehinggalah sekarang. Beliau begitu gigih memperjuangkan kesenian ini supaya menjadi warisan kebanggaan masyarakat Sungai Nibong, khususnya. Walaupun menghadapi berbagai-bagai rintangan dan cabaran, pada akhir tahun 1970-an dan awal 1980-an, dengan semangat ahli kumpulan yang begitu kental dan komitmen yang tinggi, kumpulan ini bangkit semula untuk mewarnai

Arts & Literature - Dancing
pg = 40 - 45

cf. no - 0000275483

ART 2018/403



Kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan Sungai Nibong melestarikan kesenian tradisional ini.

aktiviti kesenian sekitar daerah Batu Pahat dan Muar.

Setelah mengalami zaman malapnya, usaha untuk menambahkan keahlian

baharu dilakukan dari semasa ke semasa. Pada akhir tahun 1980-an, kumpulan ini mula melangkah lebih jauh dalam kegiatannya. Pada tahun 1992,

kumpulan ini mewakili daerah Batu Pahat dalam pertandingan tarian kuda kepang asli Karnival Johor dan muncul sebagai johan. Hasil kemenangan itu

menyebabkan kumpulan ini lebih dikenali pada segenap peringkat. Kumpulan ini diundang untuk membuat persembahan pada peringkat

yang lebih tinggi, sehingga peringkat antarabangsa.


Kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan masih bergiat aktif dengan membuat persembahan dalam majlis tertentu di beberapa buah tempat di Malaysia sebagai hiburan masyarakat setempat. Selain itu, kumpulan ini telah dikenali di beberapa buah tempat lain dan telah memasuki beberapa program media tempatan, seperti program yang dikendalikan oleh TV9 dan 8TV.

Budaya sebeginilah yang memberikan kelebihan kepada Kumpulan Kuda Kepang Sinar Warisan Sungai Nibong. Tidak hairanlah jika kumpulan ini dikenali di seluruh negara atas berkat doa segenap lapisan masyarakat.

ASAL USUL KUDA KEPANG

Menurut Naim, terdapat pelbagai pendapat tentang asal usul tarian ini. Ada pendapat yang mengaitkan asal usulnya dengan Wali Songo yang hidup di Jawa pada abad ke-15. Dalam usaha untuk mengembangkan Islam di kawasan pedalaman di Jawa, Wali Songo menghadapi kesulitan untuk mendekati orang di sana. Dia mendapat idea untuk menari sambil menunggang kuda. Setelah waktu berlalu, kuda itu ditukarkan kepada kulit binatang atau buluh bagi menggantikan kuda sebenar. Ada pihak lain yang berpendapat bahawa asal usul tarian ini ada kaitan dengan Saidina Ali. Untuk meniru gerak langkah bala tentera Saidina Ali, maka lahirlah tarian kuda kepang.

Menurut Naim lagi, di negara kita, sejarah kuda



Naim memiliki bengkel kraf tangan kuda kepang yang mementingkan kekemasan dan penelitan dalam pembuatan.

kepang bermula pada tahun 1920-an apabila banyak orang Jawa berhijrah ke Tanah Melayu, khasnya di Johor, dengan menaiki kapal dagang, seperti kapal Belanda dan Jepun. Apabila berlabuh di Singapura, sesetengah daripada mereka menetap di situ dan sebahagiannya berhijrah ke Johor untuk meneroka hutan bagi dijadikan kebun sebagai punca mata pencarian hidup.



Kumpulan kuda kepong pimpinan Naim mengadakan pelbagai persembahan dalam pelbagai majlis.

Apabila mereka menetap di Johor, maka wujudlah masyarakat yang bersatu padu, baik dalam aspek cara hidup, budaya mahupun bahasa, kerana mereka telah bercampur dengan masyarakat yang sedia ada di negeri tersebut. Sebagai hasil penghijrahan ini, mereka membawa kesenian mereka ke

Johor. Kuda kepong menjadi antara kesenian yang dibawa oleh masyarakat Jawa Tengah.

Pada zaman 1960-an, tarian kuda kepong hanya dipersembahkan di kampung sebagai hiburan masyarakat. Apabila tarian ini dipersembahkan di banyak tempat di Johor menjelang

tahun 1971, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Johor mengiktiraf tarian kuda kepong sebagai warisan kesenian rakyat, khususnya masyarakat Johor, bagi memelihara warisan ini supaya tidak pupus ditelan oleh arus kemodenan.

CARA BERMAIN KUDA KEPANG

Menurut Naim, kuda kepong dipersembahkan dan dimainkan di tempat terbuka, seperti di atas pentas yang besar. Sebelum tarian bermula, tuk bomoh membakar kemenyan dan membaca jampi untuk memberikan tenaga kepada kuda, dengan menggunakan telur mentah, bunga, rumput dan air. Dengan dikawal oleh seorang *danyang* yang melecutkan pecut untuk menentukan rentak tarian, setiap penari akan naik ke atas kuda masing-masing.

Apabila muzik mula bergema, penari, yang dipimpin oleh *danyang*, masuk ke gelanggang. Rentak muzik bermula perlahan dan agak membosankan. Setiap penari akan menunggang dan memacu kuda menurut pola yang ditentukan oleh rentak dan irama lagu itu. Ketika



Kesenian kuda kepong melibatkan semangat roh yang menjadi asas kepercayaan.

muzik semakin pantas, kuda akan menderap lebih laju. Kadang-kadang penganjur akan merentang kain licin untuk dititi oleh pemain. Penari boleh melakukan pergerakan aneh dan luar biasa, seperti bersilat melompat-lompat setinggi enam kaki. Semasa penari dalam keadaan sedemikian, bunyi-bunyian yang mengiringi tarian ini akan bertambah rancak. Kononnya jika alunan muzik tidak rancak, penari akan menerkam atau menendang pemain muzik, seakan-akan kuda yang sedang berang.

Penari menari selama dua jam sehingga mengalami keadaan kebesawai, terpuakau dengan kehebatan pergerakan mereka. Ketika mabuk, kadang-kadang mereka bermimpi menunggang kuda yang sebenar sambil menari dengan iringan muzik. Kerana itu, mereka cuba untuk mengejar muzik tersebut. Keadaan ini disebut "naik

syeh". Jika keadaan menjadi liar dan tidak dapat dikawal, tuk bomoh akan mengarahkan pengawal yang ditempatkan di setiap sudut gelanggang untuk menangkap dan merebahkan mereka ke tanah dan tuk bomoh akan membaca jampi untuk memulihkan mereka.

Jelaslah bahawa tarian kuda kepong mempunyai semangat yang menjadi asas kepercayaan dan peminat mereka. Selain itu, alat kuda kepong mesti disimpan dengan baik kerana ditakuti akan dimarahi oleh "rohnya". Hal ini menunjukkan bahawa permainan kuda kepong mempunyai kepercayaan tersendiri.

Tarian kuda kepong memerlukan sekurang-kurangnya 25 orang pemain, iaitu sembilan orang penari, lima orang pemain muzik, dua orang "bomoh pemulih", dan antara lima hingga sembilan orang penjaga kawasan. Walau

bagaimanapun, dalam sebuah persatuan, jumlah ahlinya 40 orang. Seorang daripada penari bertindak sebagai pemimpin yang disebut *danyang*. Bilangan kuda kepong yang digunakan sekurang-kurangnya sembilan. Pakaian penari pula biasanya seragam.

PANTANG LARANG

Pantang larang dalam permainan kuda kepong ialah pemain tidak boleh diacah semasa dalam permainan atau ketika sedang mabuk kerana ditakuti akan melarat dan menjadikan keadaan tidak terkawal. Namun demikian, pantang larang yang utama ialah pemain tidak boleh melihat kain berwarna merah kerana ini pantang larang semula jadi. Selain itu, pemain tidak boleh terlihat atau melihat kaca atau serpihannya kerana ditakuti akan dimakan oleh pemain itu.

